

# IQRA'

Bil. 4/2022  
APRIL

eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan  
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**  
PTAR Shah Alam - muka 4




**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy  
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**  
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -  
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**  
PTAR Kuala Terengganu - muka 17




**Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI**  
PTAR Segamat - muka 30



**Quran Hour@PST**  
PST Shah Alam - muka 38

## PROMOSI@PTAR





Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

**Utm@World  
#QuranHour 2022**

*Anda tanya Ustaz jawab*  
**"Keutamaan 10 Malam Terakhir Ramadhan"**

**PANEL JEMPUTAN**  
YBrs. Ustaz Abdul Halim bin Awang  
(Pensyarah UniSZA)

**MODERATOR**  
YBrs. Ustaz Mohd Shahnizam bin Azmi  
(Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan)  
UTMCT Kampus Kuala Terengganu

**TARIKH : 24 APRIL 2022 (AHAD) MASA : 10.00 PG. - 12.00 T/HARI.**  
**TEMPAT : RUANG BACAAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
UTMCT KAMPUS KUALA TERENGGANU.**

**ANJURAN :**  
UNIT HAL EHWAL ISLAM & PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
UTMCT KAMPUS KUALA TERENGGANU

**Satu jam bersama alQuran**  
...365 hari

Pada 24 April 2022 (Ahad), pihak Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam telah menganjurkan program siaran langsung Takzilah Ramadhan yang bertajuk Anda Tanya Ustaz Jawab : Keutamaan 10 Malam Terakhir Ramadhan bersempena Program World Quran Hour 2022. Sempena menyokong dan menyemarakkan program World Quran Hour 2022, bacaan Surah As-Sajadah dilaksanakan sebelum takzilah bermula.

Program ini dikendalikan oleh Ustaz Mohd Shahnizam Azmi, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UiTMCTKKT. Penceramah jemputan bagi program ini ialah Ustaz Abdul Halim Awang merupakan Pensyarah Kanan UniSZA/Mantan Timbalan Mufti Negeri Terengganu. Program ini dijalankan secara bersemuka di Ruang bacaan, Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKKT dan secara langsung di platform Youtube Live Stream Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKKT.

Objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan dan perkongsian mengenai keutamaan 10 malam terakhir Ramadhan yang dinantikan oleh semua umat Islam. Ia juga memberi semangat untuk terus beribadah sehingga Ramadhan berakhir tanpa rasa kekesalan dalam diri. Perkongsian diteruskan dengan pelbagai soalan yang menarik antaranya perkara yang tidak boleh dilakukan sepanjang berpuasa dan amalan-amalan yang perlu ditingkatkan sepanjang bulan Ramadhan.



Untuk menonton  
semula:

Program Takzilah Ramadhan yang berlangsung selama 2 jam mendapat maklumbalas yang baik dari peserta terutamanya warga UiTM yang menyertai sehingga selesai program. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat dan dapat mengeratkan ukhwa dan jaringan yang terjalin antara warga UiTM agar sentiasa berterusan dalam melaksanakan pelbagai program yang berimpak tinggi pada masa hadapan.

